

Isnin, 5 Mei 2014

1. Sasar ambil 15,000 pegawai bomba bantuan

KUALA LUMPUR 4 Mei - Kerajaan menyasarkan pengambilan sebanyak 15,000 pegawai bomba bantuan di seluruh negara bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, pengambilan itu akan menjadikan nisbah seorang anggota bomba bagi setiap 1,000 penduduk berbanding seorang anggota bomba bagi setiap 2,500 penduduk sekarang.

Menurut beliau, pada masa ini terdapat 12,000 anggota bomba berkhidmat secara tetap di samping 12,000 anggota bomba sukarela di seluruh negara.

Kita tidak dapat menukuhan balai bomba dan penyelamat di setiap bandar kecil di Malaysia ini.

Jadi, kewujudan pegawai bomba bantuan akan menjadi pelengkap kepada anggota-anggota bomba yang berkhidmat secara tetap dalam operasi menyelamat dan memadam kebakaran," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2014 di Dataran Merdeka di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohd. Sadique; Ketua Setiausaha Kementerian tersebut, Datuk Seri Arpah Abdul Razak dan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim.

Perasmian majlis sambutan tersebut disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Abdul Rahman menambah, kelulusan untuk menukuhan pasukan pegawai bomba bantuan diperoleh daripada Pejabat Peguam Negara baru-baru ini dan butiran lanjut tentang pelaksanaannya sedang diperhalusi.

Sementara itu, Wan Mohd. Nor berkata, setiap pegawai bomba bantuan akan menerima eluan sebanyak RM6 sejam, menyamai kadar yang ditetapkan bagi anggota bantuan lain dalam Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dan Askar Wataniah.

Jelas beliau, pegawai bomba bantuan perlu menjalani latihan intensif selama dua minggu sebelum dikehendaki mengikuti latihan susulan selama dua jam setiap minggu.

Bagi yang mempunyai pekerjaan tetap, mereka boleh memohon pelepasan daripada majikan apabila dipanggil bertugas," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Abdul Rahman yang juga Setiausaha Barisan Nasional (BN) Sabah memberitahu, parti-parti komponen BN di negeri itu akan berbincang lebih mendalam tentang rang undang-undang persendirian berhubung hukum hudud yang bakal dibentangkan Pas di Dewan Rakyat.

BN Sabah akan memberi maklum balas setelah rang undang-undang persendirian itu dijelaskan. Sekarang kita tidak tahu apa kandungan rang-undang persendirian yang akan dibentangkan Pas dalam sidang Dewan Rakyat," katanya.



Selasa, 6 Mei 2014

2. KWSP:278 pengarah dihalang ke luar negara

KUALA LUMPUR 5 Mei - Sebanyak 278 nama pengarah syarikat telah dikemukakan kepada Jabatan Imigresen bagi tempoh Januari hingga Mac tahun ini untuk menghalang mereka daripada meninggalkan negara sehingga mereka menyelesaikan tunggakan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kakitangan.

Pengurus Besar Komunikasi Korporat KWSP, Nik Affendi Jaafar berkata, peraturan itu dilaksana berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 39 Akta KWSP 1991.

Menurutnya, pada suku pertama tahun ini, sebanyak 157 majikan tidak mencarum telah didenda sebanyak RM218,650 oleh mahkamah di bawah Seksyen 43(2) Akta KWSP 1991, manakala 251 saman sivil dan 775 kes jenayah juga difailkan di mahkamah terhadap pengarah syarikat dan majikan yang tidak membayar caruman bulanan KWSP pekerja mereka.

"KWSP mengingatkan semua majikan supaya melaksanakan tanggungjawab membayar caruman bulanan KWSP pekerja dengan teratur dan tepat pada masanya kerana itu adalah hasil titik peluh mereka untuk persaraan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Nik Affendi dalam pada itu berkata, majikan perlu sedar bahawa kegagalan untuk menjelaskan caruman bulanan pekerja merupakan kesalahan serius.

"KWSP sangat prihatin dalam melindungi simpanan persaraan ahli dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap majikan tidak mencarum termasuk melevi harta alih mereka atau memfailkan saman sivil terhadap pengarah syarikat," jelasnya.

Untuk rekod, di bawah Akta KWSP 1991, semua majikan diwajibkan membayar caruman bulanan untuk pekerja mereka sebelum atau pada 15 hari bulan setiap bulan.

Antara majikan yang telah didenda oleh mahkamah ialah Kimpack Plastic Industries dari Perak sebanyak RM5,000, diikuti Syac Enterprise dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM4,000).

Empat syarikat dari Selangor - Jurukur Putra dan Grand March Sdn. Bhd. masing-masing didenda RM3,800 manakala Intergate Digital Solutions Sdn. Bhd. dan Caidmark Sdn. Bhd. masing-masing didenda RM3,500 dan RM2,500.

Menurutnya, mahkamah lazimnya membenarkan majikan yang didenda menjelaskan tunggakan caruman melalui ansuran sehingga enam bulan dan KWSP akan mengkreditkan semua tunggakan caruman ke dalam akaun ahli terbabit setelah semua tunggakan dibayar sepenuhnya.

KWSP menggalakkan majikan untuk mengemukakan butiran caruman KWSP melalui e-Caruman, kemudahan dalam talian yang disediakan melalui i-Akaun di laman web myEPF (www.kwsp.gov.my).

Dalam pada itu beliau berkata, dengan aplikasi mudah alih EPF i-Akaun yang dilancarkan baru-baru ini, ahli kini boleh mengakses simpanan KWSP mereka di mana jua.

Sekiranya ahli menemui sebarang keraguan dalam akaun KWSP mereka, penjelasan segera perlu diperoleh daripada majikan atau membuat laporan kepada KWSP menerusi talian 03-89226000 dari pukul 8 pagi hingga 6 petang, Isnin hingga Jumaat.



Khamis, 8 Mei 2014

3. Lambakan produk menyerupai rokok

PULAU PINANG 7 Mei - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa pihak berkuasa membendung lambakan produk menyerupai rokok yang menyasarkan golongan kanak-kanak dan dijual dengan bebas di pasaran tempatan.

Presidennya, S.M. Mohamed Idris, berkata, pihaknya bimbang dengan tindakan syarikat dan peniaga yang tidak bertanggungjawab memasarkan produk yang kelihatan seperti rokok dan kotak rokok di mana secara tidak langsung situasi itu menggalakkan kanak-kanak menjadi perokok.

Beliau berkata, dalam tinjauan yang dibuat CAP mendapati kesemua produk yang dipercayai di bawa masuk ke Malaysia dari Korea itu mudah dibeli dari kedai runcit, kedai barang permainan dan kedai cenderamata.

"Kanak-kanak secara tidak sedar akan tertarik apabila melihat bungkus yang kelihatan hampir sama dengan kotak rokok dan apa sahaja yang diperkenalkan kepada mereka akan membuatkan golongan kanak-kanak percaya bahawa produk ini boleh diterima dalam kehidupan mereka.

"Walaupun terdapat pelbagai usaha untuk membendung tabiat merokok di seluruh dunia, namun masih ada sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab cuba mematahkan usaha murni ini dan lebih membimbangkan adalah seolah-olah tiada penguatkuasaan ke atas segala aktiviti ini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Antara produk yang dikesan adalah sejenis gula-gula berjenama Loveciga Candy dalam bungkus merah dan hijau yang kelihatan seakan-akan jenama rokok yang popular.

Satu lagi contoh adalah buku nota berjenama Cigarette Notepaper yang mengandungi helaian kertas dan boleh digulung menjadi bentuk rokok dan mampu membuatkan kanak-kanak cenderung memasukkan gulungan kertas itu ke dalam mulut mereka dan meniru perbuatan seorang perokok.

Menurut S.M. Mohamed, kebanyakan produk-produk itu mempunyai cetakan perkataan seperti lowered tar & nicotine, tembakau membahayakan kesihatan dan light yang tidak mempunyai kaitan dengan kandungan bahan.

Katanya, CAP percaya bahawa perkataan-perkataan yang tercetak itu mempunyai motif tersendiri dalam memperkenalkan bahasa rokok kepada golongan kanak-kanak.

Sehubungan itu, beliau berharap langkah-langkah penguatkuasaan perlu diambil untuk mengekang pengeluaran dan penjualan produk sedemikian yang menyasarkan kanak-kanak kerana ia mempengaruhi mereka menjadi perokok di kemudian hari.



Khamis, 8 Mei 2014

4. 51 murid SK Jeneri muntah selepas minum susu di sekolah

SIK 7 Mei - Seramai 51 murid Sekolah Kebangsaan Jeneri dekat sini mengalami muntah-muntah dipercayai selepas minum susu kotak yang disediakan di sekolah itu dalam kejadian kira-kira 11 pagi tadi.

Anggota Dewan Undangan Negeri Jeneri Mahadzir Hamid berkata, tiada pelajar yang mengalami masalah kesihatan serius berikutan kejadian itu.

Katanya, kesemua 51 pelajar itu mendapatkan rawatan di sekolah itu, Hospital Sik dan Pusat Kesihatan Begia dekat sini sebelum dibenarkan pulang ke rumah masing-masing. - BERNAMA

Khamis, 8 Mei 2014

5. Hospital Rembau bakal siap 2017

SEREMBAN 7 Mei - Projek pembinaan Hospital Rembau yang menelan belanja lebih RM100 juta dan sudah bermula pelaksanaannya dijangka siap menjelang 2017.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, projek yang dilaksanakan di bawah Kementerian Kesihatan itu bakal memberi kemudahan kepada orang ramai untuk mendapatkan rawatan khususnya di daerah tersebut.

"Apabila hospital ini siap kelak, ia secara tidak langsung berupaya mengatasi kebergantungan orang ramai untuk mendapatkan rawatan di klinik kesihatan sekitar Rembau.

"Hal demikian kerana kerana penduduk di daerah itu kini kian bertambah lebih-lebih lagi dengan penambahan institusi pengajian di sekitar Rembau," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar selepas mempergerusikan mesyuarat Exco di Wisma Negeri, di sini hari ini.

Jelasnya, kewujudan hospital baharu itu bakal menambah jumlah ruang kepada orang ramai untuk mendapatkan rawatan.

"Klinik kesihatan di sekitar Rembau gagal berfungsi dengan baik kerana mereka berhadapan dengan kekangan kekurangan kakitangan serta tempat merawat," katanya.

Mengulas berhubung kos projek berkenaan, Mohamad memberitahu, projek pembinaannya menelan belanja sebanyak RM100 juta tidak termasuk kos-kos lain termasuk tanah.

"Projek ini dipecah-pecahkan mengikut peringkat dan kini kami amat gembira kerana pembinaannya sudah dimulakan mengikut jadual yang ditetapkan," katanya.

Khamis, 8 Mei 2014

6. RM363,510 disalur basmi kemiskinan bandar

TELOK KEMANG 8 Mei - Sebanyak RM363,510 disalurkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kepada Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) sejak 2012 hingga April lalu bagi melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB).

Yang Dipertua MPPD, Datuk Ab. Khalid Mat berkata, terdapat enam jenis bantuan disediakan melalui program tersebut iaitu sewa rumah, bina rumah baharu, baik pulih rumah, peralatan perniagaan, peralatan kesihatan dan bantuan kios bergerak.

"Tujuannya adalah untuk mengurangkan beban kewangan keluarga miskin, membina keyakinan dan jati diri golongan sasar, meningkatkan keupayaan serta kebolehan mereka serta kualiti hidup golongan miskin berpendapatan rendah di bandar," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan kios bergerak kepada peserta terpilih di Port Dickson dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Pinang, Tun Hairuddin Abu Bakar.

Ab. Khalid berkata, pemilihan penerima bantuan tersebut tidak hanya dilakukan daripada pangkalan data e-Kasih, sebaliknya turut mengambil kira pendapatan garis kemiskinan (PGK) bandar iaitu RM770.

"Bagi penerima bantuan kios bergerak ini membabitkan seramai lima peserta dengan kos keseluruhan RM75,000.

"Kita bukan sahaja memberi satu unit kios bergerak, peralatan perniagaan, pusingan modal serta lesen secara percuma malah turut mempelawa peserta hadir dalam kursus motivasi serta kaedah betul mengendalikan perniagaan," jelasnya.



Jumaat, 9 Mei 2014

7. Didenda RM1,000 kerana cuti sakit palsu

KUALA LUMPUR 8 Mei - Gara-gara mengemukakan sijil cuti sakit palsu kepada majikan, seorang bekas penyelia tapak di sebuah syarikat pembinaan dihukum penjara satu hari dan denda RM1,000 oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini.

Majistret Saifulakmal Said menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohd. Hirwan Rusman, 28, yang mengaku bersalah atas pertuduhan itu yang didakwa dilakukan di pejabat syarikat berkenaan di D6, Sentul East, di sini, 2 Januari lalu.

Gagal membayar denda, tertuduh yang diwakili peguam N. Satgurunathan, boleh dihukum penjara tiga bulan.

Mohd. Hirwan didakwa dengan curangnya menggunakan sijil cuti sakit itu sebagai dokumen tulen untuk memperdaya majikannya, syarikat pembinaan Yeoh Tiong Lay (SPYTL) Sdn. Bhd. sedangkan dia mengetahui sijil tersebut adalah palsu.

Timbalan Pendakwa Raya, Ooi Chean Ling mengemukakan pertuduhan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum bawah Seksyen 465 akta sama yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Mengikut fakta kes, semakan yang dilakukan oleh seorang kakitangan bahagian pentadbiran syarikat itu dengan Bahagian Pesakit Luar, Hospital Kuala Lumpur (HKL), berhubung sijil cuti sakit itu bertarikh 28 Disember 2013, mendapati hospital tersebut tidak pernah mengeluarkan sebarang sijil seumpama itu selain cop yang digunakan dalam dokumen itu juga adalah palsu.



Jumaat, 9 Mei 2014

8. Kerajaan digesa lebih telus beri BR1M kepada rakyat

KUALA LUMPUR 8 Mei - Kerajaan digesa menyediakan mekanisme berkesan bagi memperjelaskan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada orang ramai secara lebih teratur dan tersusun.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, ini kerana pihaknya mendapat banyak aduan daripada orang ramai berhubung kekeliruan mereka terhadap pemberian BR1M terutama menyentuh soal jumlah pemberian dan syarat permohonan.

Katanya, kerajaan juga perlu telus dalam soal mekanisme pengagihan BR1M yang membabitkan jumlah berbilion ringgit agar rakyat terus yakin bahawa ia adalah bantuan yang ikhlas disalurkan kepada mereka.

"Kerajaan perlu ada satu kaedah bagi memperjelaskan kepada rakyat berhubung pemberian BR1M ini agar mereka tidak keliru. Contohnya, ramai orang mengadu mereka menerima jumlah yang lebih sedikit berbanding BR1M pertama. Apabila diteliti semula, gaji mereka layak menerima jumlah yang lebih tinggi daripada apa yang mereka terima untuk kali kedua," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Bukit Katil, Shamsul Iskandar Md. Akin meminta Kementerian Kewangan membentangkan kajian penilaian risiko di Dewan Rakyat berhubung kaedah pengagihan wang BR1M bagi memastikan bantuan itu tidak diseleweng atau tersalah bayar.

Langkah itu, katanya, sebagai bukti tiada penipuan berlaku dalam bantuan berjumlah berbilion ringgit itu.

Mengulas cadangan Shamsul Iskandar itu, Nadzim berkata, ia adalah satu langkah yang baik walaupun beliau sendiri percaya tindakan menyeleweng wang BR1M itu tidak berlaku di dalam peringkat kerajaan.

"Langkah itu dicadangkan mungkin hanya mahu melihat kesungguhan kerajaan untuk menyalurkan bantuan kepada rakyat. Jadi ia akan memudahkan rakyat untuk lebih memahami apa yang mahu disampaikan kerajaan," katanya.

Sementara itu, Pengurus Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) Parlimen Kuala Terengganu, Fakhrul Azman Abu Bakar berkata, mekanisme penyelenggaraan wang BR1M merupakan satu aspek penting yang sewajarnya diberi perhatian serius oleh Kementerian Kewangan bagi memastikan rakyat benar-benar berpuas hati dalam pengagihan bantuan itu.

"BR1M ini bukan sekali dua sahaja, ia akan ada lagi selepas ini. Jadi kaedah pemberian perlu diperincikan kerana ini melibatkan wang rakyat. Ramai yang masih keliru dengan pemberian wang ini," katanya.

Beliau berkata, sistem pengagihan BR1M juga perlu dinaik taraf pada masa depan agar pemberiannya benar-benar mencapai matlamat dalam membantu rakyat mengatasi kenaikan kos sara hidup.

"Selebihnya, kerajaan juga perlu menerangkan, menjelaskan dengan terperinci apa yang kerajaan sedang lakukan bagi mengkaji dan memperbaiki sistem pemberian BR1M ini. Bagaimana mereka memastikan tiada penyelewengan berlaku dan sebagainya," katanya.



Jumaat, 9 Mei 2014

9. CUEPACS kecewa laporan produktiviti penjawat awam menurun

KLUANG 7 Mei - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) kecewa dan menempelak laporan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) yang menyatakan produktiviti penjawat awam hari ini semakin menurun.

Presidennya, Azih Muda berkata, laporan Pemandu kepada kepimpinan tertinggi negara itu itu tidak tepat kerana penanda aras yang digunakan hanya bersandarkan kepada faktor kadar upah yang diberikan dan ia hanya akan menyebabkan penjawat awam berasa terkilan.

"CUEPACS menafikan laporan itu dan kita tidak bersetuju dengan apa yang diperkatakan Pemandu kerana produktiviti penjawat awam pada hari ini jauh lebih baik berbanding dahulu, buktinya lihat kepada pengumuman kerajaan yang menyatakan perkhidmatan kesihatan negara kita berada pada tangga ketiga terbaik di dunia.

"Begini juga dengan penarafan lima bintang kepada dua pihak berkuasa tempatan (PBT) baru-baru ini," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung ke-19 Kesatuan Pembantu Tadbir Pendidikan (Keptan) Cawangan Kluang, di sini hari ini.

Menurut Azih, laporan yang dikemukakan itu dibuat menerusi satu taklimat khas kepada kepimpinan tertinggi baru-baru ini, namun maklumat itu baharu sahaja □bocor□ kepada pihaknya semalam dan berharap pihak berkaitan dapat mengkaji semula kenyataan itu.

Mengulas lanjut, dakwa beliau, Pemandu membuat perbandingan mengenai gaji yang diterima penjawat awam ketika ini berbanding kadar upah yang diberikan sebelum ini.

"Kata mereka (Pemandu), dahulu kadar upah penjawat awam rendah tetapi produktiviti tinggi namun apabila ada peningkatan gaji, tahap produktiviti masih sama dan tidak menunjukkan peningkatan. Kita tidak faham mengapa perkara itu yang menjadi ukuran."

"Sebaliknya, Pemandu perlu turun ke bawah untuk melihat cara kerja penjawat awam yang semakin hari berdepan tekanan dan mereka sepatutnya bukan hanya duduk di atas semata-mata untuk mengejar petunjuk prestasi utama (KPI)," tegasnya.

Dalam pada itu, CUEPACS menaruh harapan tinggi mengenai beberapa tuntutan yang dikemukakan pihaknya dalam Persidangan Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (Mapa) yang akan diadakan di Putrajaya pada 10 Jun depan.

"Kita berharap kerajaan memberi perhatian segera terhadap tuntutan itu terutamanya tiga perkara penting iaitu penetapan gaji minimum kakitangan awam kepada RM1,200, penyelarasan elauan sara hidup (COLA) di semua kawasan dan penukaran status kuarters kerajaan kepada rumah sewa kerajaan," kata Azih.



Sabtu, 10 Mei 2014

10. Semak syarat BR1M swasta

KUALA LUMPUR 9 Mei - Kerajaan digesa mengemas kini kaedah pengagihan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan mengkaji semula syarat kelayakan minimum bantuan untuk pekerja sektor swasta.

Presiden Lembaga Pelindung dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Datuk Seri Saharuddin Awang Yahya berkata, kajian khusus perlu dilakukan kerajaan kerana pekerja swasta tidak menerima bonus dan insentif lain seperti yang diterima penjawat awam.

Saya mencadangkan supaya syarat kelayakan isi rumah bagi pekerja swasta dinaikkan bagi membolehkan golongan tersebut berpeluang menerima bantuan kerajaan.

Sebagai contoh, gaji pekerja swasta di ibu kota di sekitar RM3,000 masih dianggap rendah dan hanya mencukupi bagi menampung perbelanjaan harian mereka," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia, di sini hari ini.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Bukit Katil, Shamsul Iskandar Md. Akin meminta Kementerian Kewangan membentangkan kajian penilaian risiko di Dewan Rakyat berhubung kaedah pengagihan wang BR1M bagi memastikan bantuan itu tidak diseleweng atau tersalah bayar.

Langkah itu katanya, sebagai bukti tiada penipuan berlaku dalam bantuan berjumlah berbilion ringgit itu.

Mengulas cadangan Shamsul Iskandar itu, Saharuddin berkata, penyelewengan wang BR1M tidak berlaku kerana kerajaan sentiasa berusaha memperbaiki sistem berkenaan dan meningkatkan sistem pengurusan bantuan dari semasa ke semasa.

Langkah pembayaran melalui pemindahan ke dalam akaun bank penerima merupakan penambahbaikan yang dilakukan kerajaan bagi memastikan bantuan itu sampai kepada golongan sasar," katanya.

Sementara itu, Pengurus Badan Bertindak Anti Penyelewengan Negeri Kedah, Khairul Anuar Ramli berkata, tiada unsur penipuan dalam pengagihan BR1M dikesan di peringkat kerajaan namun mengakui ada pihak yang tidak bertanggungjawab telah mengambil peluang.

Kerajaan telah berusaha sebaik mungkin dalam memastikan bantuan sampai kepada penerima namun ada pihak yang cuba memanipulasikan keadaan.

Sebagai contoh, terdapat segelintir rakyat yang tidak layak menerima bantuan BR1M tetapi melakukan penipuan berhubung pemberian butiran peribadi demi kepentingan diri sendiri," katanya.

Tambah beliau, kerajaan perlu mengambil tindakan serius dalam membendung masalah itu bagi mengelakkan kejadian sama daripada terus berlaku.



Sabtu, 10 Mei 2014

11. Sebanyak 1,292 premis dikenal pasti membiakkan nyamuk Aedes

KUALA LUMPUR 9 Mei - Kes kematian akibat demam dengan mencatatkan peningkatan mendadak sebanyak 347 peratus atau 52 kematian menjadikan jumlah keseluruhan kes kepada 67 kematian berbanding hanya 15 kematian pada tahun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pada minggu ke-18 iaitu dari 27 April hingga Khamis lalu, satu kematian turut dilaporkan, menjadikan jumlah kes meningkat sebanyak 16 peratus (1,133 kes) berbanding hanya 974 kes pada minggu sebelumnya.

Beliau berkata, terdapat 11 negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor 59 kes, Johor (37), Negeri Sembilan (33), Sarawak (16), Kuala Lumpur dan Putrajaya (12), Pulau Pinang (8), Melaka (7), Terengganu (5), Sabah (4), Kedah (3) dan Perlis (2).

Dalam pada itu, sejumlah 272 lokaliti wabak yang masih aktif dilaporkan di 11 negeri dan daripada jumlah tersebut, 31 lokaliti merupakan hotspot dan 22 lokaliti merupakan wabak tak terkawal.

Sebanyak 104,618 premis telah diperiksa pada minggu lepas dan kami dapati 1,292 premis membiakkan nyamuk Aedes dengan Kadar Pembiakan Aedes (Indeks Aedes) sebanyak 1.5 peratus," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, antara kawasan yang dikenal pasti mempunyai pembiakan Aedes yang tinggi adalah kilang, lot-lot kosong, tanah perkuburan, sekolah, tapak bina, taman rekreasi, kawasan awam, perumahan terbengkalai dan tempat pembuangan sampah.

Tempat-tempat pembiakan ini jika dibiarkan akan menyebabkan kejadian kes denggi berlarutan dan mewujudkan lebih banyak kawasan-kawasan wabak denggi.

Justeru, orang ramai terutamanya yang berada di kawasan wabak perlu mengambil sikap yang proaktif untuk membersih dan memusnahkan tempat pembiakan Aedes selain saling bekerjasama dalam aktiviti pencegahan denggi di kawasan mereka," jelasnya.

Tambahnya, pada masa ini, secara keseluruhannya kes denggi di seluruh negara masih berada dalam trend penurunan bagi tempoh dua bulan dan beliau mengharapkan agar segala usaha semasa dipergiatkan supaya kes dapat diturunkan.



Sabtu, 10 Mei 2014

12. Banteras penyelewengan diesel subsidi

KUALA LUMPUR 9 Mei - Sampai bila? Itulah persoalan yang bermain di fikiran banyak pihak apabila sehingga hari ini pihak berkuasa masih gagal menemui formula bagi menangani penyelewengan dan penyalahgunaan diesel subsidi.

Dari semasa ke semasa, jumlah bahan bakar itu yang diseleweng bukannya berkurangan, sebaliknya semakin meningkat sehingga menimbulkan persoalan apakah pihak berkuasa termasuk kementerian terlibat terlalu lemah untuk bertindak?

Berdasarkan satu maklumat yang diterima, daripada sejumlah 8.5 bilion liter diesel subsidi yang diguna pakai oleh kenderaan komersial, 3.5 bilion liter telah disalahgunakan akibat aktiviti penyeludupan dan kegiatan mengaut untung keterlaluan termasuk melalui cara gelap.

Statistik ini menunjukkan hanya 5 bilion liter digunakan secara betul atau dimanfaatkan. Malah lebih membingungkan bagaimana ini boleh berlaku dan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini kerajaan

terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM1.2 bilion akibat sindiket penyeludupan petrol dan diesel subsidi.

Keadaan ini sudah tentu menimbulkan persoalan sampai bila ketirisan, penyelewengan dan perbuatan yang boleh disifatkan sabotaj kepada ekonomi negara akan berterusan? Apakah pihak yang terlibat hanya mampu memerhatikan gejala ini tanpa mengetahui cara untuk menamatkan perbuatan tidak bertanggungjawab tersebut?

Dan sudah pasti ramai tertanya-tanya, adakah sindiket yang terlibat begitu kuat dan berpengaruh sehingga pihak berkuasa begitu sukar untuk mengesan mereka atau sememangnya berlaku perbuatan harapkan pegar, pegar makan padi, apabila sesetengah pihak yang dipertanggungjawab dalam soal ini mengamalkan sikap tutup mata sahaja?

Sementara kejayaan pihak berkuasa khususnya melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan membanteras penyeludupan diesel subsidi dihargai tetapi sampai bilakah kegiatan harus dibiarkan berterusan dan bilakah ia akan berakhir?

Bagaimanapun membanteras perbuatan itu bukan terletak kepada kementerian tersebut semata-mata malah ia lebih banyak berada dalam bidang kuasa agensi lain khususnya mereka yang bertanggungjawab memeriksa depoh minyak di negeri.

Utusan Malaysia difahamkan, penyelewengan diesel subsidi ini juga dikatakan melibatkan peranan orang dalam dan sesetengah stesen minyak bersedia menjadi musuh dalam selimut kepada usaha kerajaan untuk meringankan beban rakyat melalui pemberian subsidi.

Keadaan menjadi lebih buruk apabila ada pula golongan nelayan yang mengalami kesempitan hidup mengambil jalan mudah dengan menyeleweng diesel subsidi dan dijual kepada sindiket untuk meraih untung segera.

Berikutnya kegiatan penyelewengan bahan bakar itu yang dianggap semakin serius dan mungkin juga sudah tidak terkawal, kerajaan wajar memikirkan satu langkah drastik dan kaedah paling berkesan bagi membanteras perbuatan berkenaan.

Dalam soal ini, seharusnya tiada lagi kompromi dengan mana-mana juga pihak termasuk dalam kalangan kakitangan agensi kerajaan sendiri yang bersedia menjadi pengkhianat kepada usaha murni kerajaan untuk membantu rakyat.

Ini memandangkan perbuatan itu mendatangkan kerugian berbilion-bilion ringgit kepada kewangan kerajaan dan sekali gus dalam jangka masa panjang boleh membawa kesan buruk kepada ekonomi negara.

Isnin, 12 Mei 2014

13. Skim perkhidmatan tertutup ditambah baik

BATU PAHAT 11 Mei - Penjawat awam dalam skim perkhidmatan tertutup bakal menikmati peluang kenaikan pangkat lebih baik dan peluang-peluang lain selepas kajian semula terhadap skim perkhidmatan mereka selesai.

Mengumumkan demikian, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, untuk itu sistem kenaikan pangkat secara khas untuk penyandang akan diperkenalkan.

Beliau mengakui wujud kekangan kenaikan pangkat bagi penjawat awam di dalam skim perkhidmatan tertutup kerana ia terhad kepada jawatan sedia ada.

Peluang kenaikan pangkat dan sebagainya adalah terhad. Ramai yang tunggu di bawah kerana ia seperti sistem piramid.

Mungkin yang dapat (kenaikan pangkat) satu dua tetapi yang lain tidak dapat walaupun mereka sama-sama berkaliber dan telah berkhidmat lama. Ini akan cuba diatasi, kata beliau pada sidang media selepas majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) di sini hari ini. Turut hadir naib canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin.

Menurutnya, penambahbaikan terhadap skim perkhidmatan tertutup itu akan dilakukan secara berperingkat memandangkan implikasi kewangannya jika dibuat serentak secara menyeluruh.

Usaha menambah baik skim terbabit sudah dilaksanakan di Jabatan Pertanian.

Ali berkata, pihaknya kini melihat skim perkhidmatan di Jabatan Kastam; Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; serta Jabatan Geosains dan Mineral.

Setakat ini 80 skim perkhidmatan telah pun dikaji semula dan bakinya sedang di dalam proses dan dijangka selesai tahun ini. Lebih 270 skim perkhidmatan akan selesai dikaji semula," katanya.

Beliau berkata, wujud banyak jabatan profesional di dalam skim perkhidmatan tertutup dan kajian semula itu bertujuan memberi lebih banyak peluang kepada penjawat-penjawat awam.

Dalam pada itu, Ali berkata, kerajaan akan membantu penjawat-penjawat awam memiliki rumah sendiri menerusi Skim Projek Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia.

Pihaknya, kata beliau, sedang mengenal pasti tanah-tanah yang sesuai di seluruh negara untuk didirikan projek perumahan berkenaan.

Rumah-rumah itu katanya, akan dijual pada harga 30 peratus lebih murah daripada harga pasaran.

Terdahulu di dalam ucapannya, Ali berkata, rakyat Malaysia semakin peka, berpendidikan tinggi, dan menaruh harapan yang kian meningkat terhadap sistem penyampaian Perkhidmatan Awam negara.

Selaku penjawat awam, katanya, mereka tidak boleh kekal selesa pada sesuatu tahap pencapaian, tetapi perlu sentiasa berusaha untuk mencapai tahap lebih baik dan lebih tinggi. - BERNAMA



Selasa, 13 Mei 2014

14. Kementerian Kesihatan akan ambil lebih ramai jururawat

PUTRAJAYA 12 Mei - Kementerian Kesihatan akan mengisi lebih 15,000 kekosongan jawatan jururawat yang dikenal pasti di seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, berdasarkan kajian yang dilakukan pada tahun 2013, wujud keperluan untuk mengambil 15,700 jururawat dan setakat ini sebanyak 6,800 jawatan baharu telah diluluskan.

Daripada 6,800 jawatan baharu yang diwujudkan setakat ini, lebih 4,000 kekosongan telah diisi iaitu 2,861 orang terdiri daripada lepasan kolej swasta, 1,065 dari kolej Kementerian Kesihatan dan 111 lagi terdiri daripada lepasan ijazah institusi pengajian tinggi swasta," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Jururawat Antarabangsa anjuran Persatuan Jururawat Malaysia (MNA) yang dihadiri kira-kira 3,000 jururawat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Farida Mohd. Ali; Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah; pemangku Pengarah Kejururawatan, Rosena Abd. Ghani dan Presiden Persatuan Jururawat Malaysia (MNA), Mariam Madhar Ali.

Berdasarkan statistik, terdapat 117,000 jururawat di seluruh negara yang terdiri daripada 80,000 orang di institusi perubatan awam dan bakinya di sektor swasta.

Mengulas lanjut, Subramaniam berkata, matlamat Kementerian Kesihatan ialah mencapai nisbah jururawat kepada penduduk sebanyak 1:200 secara berperingkat berbanding 1:375 pada masa ini.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, hasil aktiviti turun padang bersama ketua setiausaha kementerian kesihatan mendapati beban kerja jururawat semakin bertambah berikutan jumlah pesakit yang meningkat selain pertambahan unit, wad serta hospital baharu.

Kita sentiasa memberi perhatian serius terhadap isu kebajikan jururawat kerana mereka tidak akan dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada tugas jika bekerja dalam keadaan letih yang teruk," ujarnya.

Beliau berkata, pada masa sama pihak kementerian turut menghapkan pertambahan jururawat lelaki kerana jumlah mereka masih tidak banyak iaitu dalam lingkungan lebih 1,000 orang sahaja.

Sementara itu, Subramaniam turut memberitahu bahawa kementeriannya bersetuju untuk mengkaji permohonan menambah bekalan uniform jururawat daripada tiga pasang kepada lima pasang setahun.



Jumaat, 16 Mei 2014

15. Kastam perlu 1,000 anggota baharu

MELAKA 15 Mei - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) memerlukan sekurang-kurangnya tambahan 1,000 anggota menjelang tahun hadapan bagi melancarkan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan mulai April 2015.

Timbalan Ketua Pengarahnya, Datuk Matrang Suhaili berkata, pertambahan anggota itu perlu bagi memastikan kelincinan proses pelaksanaan sistem percukaian baharu itu selain meningkatkan pemantauan terhadap sebarang bentuk penipuan.

Menurutnya, JKDM dijangka berdepan pelbagai cabaran ketika melaksanakan GST kelak kerana akan wujud pihak tidak bertanggungjawab melakukan penipuan terutamanya dalam transaksi tuntutan bayaran balik cukai daripada jabatan berkenaan.

Negara yang telah menguatkuasakan GST juga berdepan dengan masalah penipuan ini terutamanya berkaitan dengan skim 'tourist refund' yang memerlukan JKDM membayar balik cukai sedangkan barang yang didagangkan itu palsu atau tidak sah.

Anggota kastam akan dibekalkan dengan pengetahuan terhadap unsur penipuan dalam transaksi dan juga mengesan barang palsu supaya negara tidak berdepan dengan kerugian untuk membayar kembali cukai yang dituntut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup Latihan Kursus Asas Pembantu Penguasa Kastam Gred W17 di Akademi Kastam Diraja Malaysia Bukit Baru di sini hari ini.

Dalam perkembangan lain, Matrang berkata, JKDM juga akan melakukan pertambahan anggota di klia2 bagi menjamin tidak berlaku kebocoran barang seludup dan tidak dibenarkan ke negara ini.

Beliau berkata, kawalan keselamatan akan diperketatkan dan pihaknya juga akan meningkatkan pemantauan terhadap barang yang dibawa masuk ke negara ini sama ada melalui kargo, bagasi atau perseorangan supaya tiada perlengkaran undang-undang berlaku.

Kastam akan memberi tumpuan dalam usaha mengesan dan mencegah barang larangan seperti dadah, senjata api, produk tembakau dan lain-lain daripada dibawa masuk ke negara ini," katanya.

Katanya, dalam fasa pertama ini, 90 peratus daripada 208 anggota yang baru menamatkan Kursus Asas Pembantu Penguasa Kastam Gred W17 hari ini akan ditempatkan di klia2 bersama anggota kastam yang sebelum ini bertugas di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT).

Menurutnya, pertambahan anggota di klia2 itu akan ditambah secara berperingkat-peringkat dan mengikut keperluan.



Jumaat, 16 Mei 2014

16. RM236j seragam harga barang

KOTA KINABALU 15 Mei - Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM236 juta pada tahun ini bagi memastikan Program Penyeragaman Harga Tahun 2014 berjalan lancar dan terus memberi manfaat kepada rakyat terutama di Sabah dan Sarawak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek berkata, daripada jumlah peruntukan yang disediakan itu, peruntukan di Sabah adalah berjumlah RM100 juta, Sarawak (RM120 juta) dan Semenanjung (RM16 juta).

Katanya, Program Penyeragaman Harga yang dijalankan sejak 2009 itu bertujuan untuk menyeragamkan harga barang keperluan seperti gula, tepung gandum dan minyak masak, gas memasak LPG serta diesel dan RON95 supaya harga barang tersebut dapat dijual pada harga kawalan kepada pengguna.

Menerusi program ini, ia jelas membuktikan keprihatinan dan kesungguhan kerajaan dalam memastikan harga beberapa barang yang ditetapkan oleh kementerian di Sabah dan Sarawak, sama seperti di Semenanjung apabila kos pengangkutan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan," katanya dalam sidang akhbar majlis pengumuman penentuan harga maksimum Skim Kawalan Harga musim perayaan Pesta Kaamatan 2014, di sini hari ini.

Sebanyak 12 jenis barang harga terkawal dikuatkuaskan di bawah Skim Kawalan Harga bagi perayaan tersebut yang akan dilaksanakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bermula 25 hingga 31 Mei ini.

Yang hadir sama Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Jainab Ahmad.

Mengulas lanjut, Hasan berkata, sebanyak 397 kawasan pengedaran barang telah diwujudkan di bawah Program Penyeragaman Harga tersebut di Sabah dan memberi manfaat besar kepada penduduk di kawasan luar bandar atau pedalaman.

Menurutnya, pihak kementerian turut membuat kajian untuk melaksanakan Program Penyeragaman Harga di kawasan-kawasan baharu yang mana harga barang keperluan di kawasan tersebut lebih mahal melebihi 15 peratus daripada harga di bandar berdekatan.

Sehubungan itu, beliau menyeru pemimpin tempatan di Sabah dan Sarawak membuat cadangan kepada pihaknya untuk menambah kawasan pengedaran di kawasan baharu bagi memastikan seluruh rakyat di dua negeri itu memperoleh manfaat sama seperti penduduk di bandar.

Sementara itu Hasan berkata, dalam mengukuhkan perkhidmatan kementerian itu di kawasan luar bandar, sebanyak enam buah Pejabat Sub Cawangan kementerian itu akan dibuka di Sabah iaitu di Ranau, Kota Marudu, Beluran, Telupid, Papar serta Tambunan.

Katanya, Pejabat Sub Cawangan kementerian itu akan diaktifkan bermula 19 Mei ini dengan menyediakan perkhidmatan kementerian itu sepenuhnya, kepenggunaan, aduan, lesen, permit dan menyelesaikan perkara berkaitan dengan perkhidmatan kementerian.

Perkhidmatan ini akan disediakan sebanyak tiga hari seminggu iaitu pada Isnin, Rabu dan Jumaat, bermula dari pukul 8 pagi hingga 5 petang kecuali cuti umum. Sekiranya keperluan meningkat, perkhidmatan akan dijalankan sepanjang waktu bertugas," katanya.



Isnin, 19 Mei 2014

17. 400,000 liter diesel bernilai RM1 juta dirampas

KUALA LUMPUR 19 Mei - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) terus melancarkan operasi membanteras kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi di seluruh negara.

Kementerian itu melakukan serbuan di tiga negeri iaitu di Johor, Negeri Sembilan dan Kedah.

DI KOTA TINGGI, KPDKKK Putrajaya berjaya merampas sejumlah 400,000 liter diesel bersubsidi bernilai kira-kira RM1 juta di Sungai Bauk, Tanjung Belungkur, di sini semalam.

Turut dirampas dalam serbuan kira-kira pukul 12 tengah hari itu ialah dua kapal tangki, lima lori tangki dan dua bot kecil bernilai RM5 juta.

Timbalan Pengarah Penguat kuasa (Pembangunan) KPDNKK, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, rampasan tersebut merupakan yang terbesar di negeri ini melalui operasi Ops Diesel South 2 (Odis 2) dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin (PGM).

Beliau berkata, seramai 11 warga asing berusia antara 20-an dan 40-an ditahan bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 22 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Jika sabit kesalahan bagi individu boleh dikenakan denda RM100,000 dan dipenjara tidak melebihi tiga tahun, selain denda RM250,000 bagi kesalahan dilakukan syarikat serta denda RM500,000 untuk kesalahan kali kedua.

Serbuan yang dilakukan tersebut disertai oleh sepasukan 20 pegawai dan anggota dengan kerjasama PGM hasil daripada risikan dan maklumat yang diterima orang ramai. Nilai keseluruhan rampasan termasuk diesel dan barang terlibat berjumlah RM6 juta," katanya dalam sidang akhbar yang diadakan di Terminal Feri Tanjung Belungkur, di sini hari ini.

Tambahnya, hasil siasatan turut mendapati dua kapal tangki tersebut didaftarkan di Mongolia dan diesel tersebut dijual kepada kapal-kapal dagang di perairan antarabangsa pada harga melebihi RM3 bagi setiap liter.

Modus operandi pihak terbabit, katanya, adalah membeli bahan api tersebut dari Johor, Pahang dan Terengganu sebelum dipindahkan ke atas kapal tangki.

Kami percaya kegiatan pihak ini masih baru dan tujuan mereka adalah untuk mengaut keuntungan secara mudah. Kami akan menyiasat individu yang bersekongkol dalam kegiatan penyeludupan tersebut dan mereka yang terbabit akan dibawa ke muka pengadilan.

Jika didapati terdapat pengusaha stesen minyak terlibat, kami akan mengambil tindakan keras termasuk menarik lesen perniagaan mereka selain tindakan mahkamah," katanya lagi.

Untuk tahun ini sehingga awal Mei, kata Iskandar Halim lagi, terdapat 84 kes penyeludupan membabitkan nilai rampasan berjumlah RM1.8 juta.

DI PADANG TERAP, Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) menyerbu sebuah stesen minyak di Kuala Nerang di sini kerana menyimpan petrol subsidi melebihi had yang dibenarkan.

Timbalan Pengarah PPDNKK negeri, Khalid Tik berkata, dalam serbuan kira-kira pukul 11 pagi sempena Ops Titik itu, pihaknya menemui sejumlah 31,900 liter petrol RON 95 bernilai RM66,990 disimpan dalam tangki simpanan minyak stesen berkenaan.

Berdasarkan lesen yang dikeluarkan PPDNKK, stesen minyak itu hanya dibenarkan menyimpan sebanyak 22,650 liter petrol RON 95 namun pemeriksaan lanjut berjaya menemui sejumlah 31,900 liter petrol jenis berkenaan.

Disebabkan itu, pihak kami telah menyita bahan bakar berkenaan untuk siasatan lanjut," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut Khalid, siasatan turut mendapati tangki simpanan minyak di stesen itu juga telah diubah suai tanpa kebenaran dan kelulusan PPDNKK.

Apabila kita minta sebarang surat atau dokumen mengenainya, pengusahanya yang berumur sekitar 50-an memberi pelbagai alasan dan gagal menunjukkan sebarang bukti," ujarnya.

Tambah Khalid, kes itu disiasat di bawah Kesalahan Peraturan 10 (1) Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang mana jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM250,000.

Katanya, kesalahan yang dilakukan pengusaha terbabit adalah serius dan boleh membahayakan keselamatan penduduk sekitar sekiranya berlaku sesuatu kejadian yang tidak diingini.

Kami menasihatkan pengusaha stesen minyak supaya sentiasa mengikuti peraturan yang ditetapkan PPDNKK," katanya.

DI SEREMBAN, Usaha membanteras penyelewengan diesel bersubsidi menerusi Ops Titik dipergiat apabila bahagian penguat kuasa Kementerian itu menahan sebuah lori di Jalan Seremban-Tampin dekat ini, awal pagi ini.

Ketua Pegawai Penguatkuasa PPPDNKK negeri, Saifulbahri Abdul Kadir berkata, dalam operasi kira-kira pukul 12.30 pagi itu, pihaknya menyita sebuah lori tanah yang diubah suai dan diisi dengan 400 liter diesel bersubsidi dianggarkan bernilai RM800.

Jelasnya, ekoran penemuan berkenaan, pihaknya bertindak menahan dua lelaki berusia 20 hingga 30-an yang menjadi pemandu dan kelindan lori.

Berdasarkan pemeriksaan dan intipan yang dijalankan, kita dapat i Lori berkenaan mengisi bahan bakar itu dan pemeriksaan lanjut menemukan tangki tambahan yang telah diubah suai," katanya di sini.

Saifulbahri berkata, siasatan pihaknya mendapati anggota sindiket itu dipercayai singgah di beberapa stesen minyak tertentu untuk membeli bekalan diesel.

Katanya, mereka yang ditahan akan disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana membawa dan memiliki barang kawalan tanpa dokumen yang sah daripada KPDKK.



Rabu, 21 Mei 2014

18. LKIM, SPRM tubuh jawatankuasa khas

KUALA LUMPUR 19 Mei - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan menubuhkan jawatankuasa khas membabitkan wakil agensi itu dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usaha membanteras gejala penyelewengan diesel subsidi dalam sektor perikanan.

Pengerusi LKIM, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, pihaknya turut merancang penubuhan unit integriti dalam agensi berkenaan dengan wakil SPRM bertindak sebagai ketua yang akan memberi panduan dan pandangan dalam perkara-perkara berkaitan.

Menurut beliau, langkah tersebut adalah tindakan segera yang diambil dan melambangkan keseriusan agensi berkenaan untuk memastikan aktiviti yang merugikan ekonomi negara itu tidak berlarutan.

Saya sendiri akan membawa cadangan-cadangan ini ke dalam Mesyuarat Ahli Jemaah Lembaga LKIM 2014 esok untuk dipertimbangkan tetapi sebelum ini saya telah arahkan LKIM menghantar surat kepada SPRM.

LKIM tidak akan berkompromi dan kami juga berharap SPRM dapat melakukan siasatan dan tangkapan seperti yang dilakukan di Besut, Terengganu sebelum ini agar pihak yang menjalankan aktiviti itu dapat dibanteras sepenuhnya," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau mengulas pendedahan dalam laporan khas Utusan Malaysia berhubung aktiviti salah guna diesel subsidi yang berlaku secara berleluasa disebabkan penglibatan daripada orang dalam selain agensi penguat kuasa yang memberi perlindungan kepada pelaku.

Menurut pendedahan sumber, pihak-pihak dalam sektor perikanan turut terlibat selepas bersubahat dengan sindiket penyeludupan malah difahamkan, persatuan nelayan kawasan yang sepatutnya menghantar diesel subsidi kepada nelayan untuk digunakan semasa di laut tidak berbuat demikian.

Irmohizam berkata, LKIM juga mencadangkan kepada kerajaan agar pemberian diesel subsidi dibuat hanya sebagai insentif kepada nelayan iaitu bergantung kepada jumlah tangkapan yang dihantar ke pelabuhan.

Jelas beliau, langkah itu lebih efektif berbanding yang diguna pakai sekarang apabila bahan api itu diberikan kepada semua nelayan menyebabkan ada yang mengambil jalan pintas menjual kepada pihak ketiga untuk keuntungan segera.

Kajian ini membabitkan insentif pendaratan ikan iaitu lebih banyak hasil dibawa ke pelabuhan maka jumlah diesel subsidi yang akan diberi juga bertambah, yang saya yakin memberi kesan positif dalam industri perikanan.

Kerajaan memperuntukkan dana ini untuk golongan yang memerlukan tetapi masih ada pihak mengambil kesempatan dan atas sebab itu lebih baik dikaji balik pelaksanaannya untuk mengelak kerajaan menanggung kerugian," katanya

Rabu, 21 Mei 2014

19. RM250 juta bina jalan hubungkan lebuh raya, Pulau Bunting

JERAI 19 Mei - Kerajaan akan membina jalan baharu menghubungkan Lebuh Raya Utara-Selatan dekat Gurun, di sini dengan Pulau Bunting berharga RM250 juta dalam tempoh terdekat.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengangkutan dan Kerja Raya negeri, Datuk Tajul Urus Md. Zain berkata, jalan baharu sepanjang 18.6 kilometer itu akan menjimatkan jarak dan masa perjalanan penduduk sekitar Gurun ke Yan.

Selain memendekkan perjalanan dari Lebuh Raya Utara-Selatan, akan turut memberi manfaat secara langsung kepada ribuan penduduk berpuluhan buah kampung sepanjang laluan tersebut untuk memasarkan hasil pertanian dan nelayan.

Di samping itu, akan turut menjadi penyokong kepada projek Zon Industri Petroleum Yan (ZIPY) yang dijalankan kerajaan negeri dengan kerjasama sektor swasta di sini tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas meninjau projek tersebut di sini hari ini.

Yang hadir sama Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri, Samsudin Bakar.

Menurut Tajul Urus, projek pembinaan jalan terbabit akan disiapkan dalam tempoh tiga tahun dari sekarang dan proses pengambilan tanah akan bermula tidak lama lagi.

Katanya, sebanyak 54.3 hektar tanah milik individu dan kerajaan akan diambil alih secara berperingkat.

Kita berusaha meminimumkan pengambilan tanah terutamanya melibatkan sawah padi dan kawasan penempatan penduduk. Berdasarkan kajian yang dilakukan hanya 37 struktur bangunan seperti rumah dan gerai terlibat, katanya.

Beliau memberitahu, jalan baharu tersebut juga akan menggunakan laluan ban padi sedia dan tidak memasuki kawasan penempatan penduduk.

Kerajaan yakin dengan pembinaan rangkaian jalan raya yang baik dan selesa, ini bukan sahaja mempercepat perjalanan, tetapi turut akan meningkatkan ekonomi penduduk.

Ini juga akan memudahkan kerajaan untuk menyalurkan lebih banyak pembangunan kepada penduduk setempat," kata beliau.

Rabu, 21 Mei 2014

20. Landasan mendap: MAHB, Kementerian Pengangkutan perlu bertanggungjawab

KUALA LUMPUR 20 Mei - Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) dan Kementerian Pengangkutan perlu bertanggungjawab dan menyelesaikan masalah mendapan yang didakwa berlaku di landasan serta kawasan parkir pesawat di lapangan terbang tambang rendah baharu, klia2.

Ingatan itu dinyatakan oleh Pengurus Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Nur Jazlan Mohamed susulan aduan yang diterima daripada sumber industri penerbangan mengenai permasalahan tersebut, hampir tiga minggu selepas klia2 beroperasi pada 2 Mei lalu.

Menurut beliau, tanggungjawab itu perlu dipikul memandangkan MAHB dalam satu keterangan kepada PAC baru-baru ini menjelaskan mendapan itu akan berlaku dan boleh dibaiki.

Dulu, banyak orang yang tak berapa suka bila PAC panggil klia2 (pihak-pihak berkaitan pembinaan). Dalam blog kata mengapa PAC nak sibuk hal klia2? Bagi saya, kita panggil MAHB untuk beri keterangan tentang klia2 dan AirAsia, untuk mendapatkan maklumat. Sekarang baharu kita nampak kelemahan-kelemahan, mula keluar laporan mendapan, ada takungan air di landasan yang tak sepatutnya berlaku. Sebab itu kita panggil MAHB dan AirAsia.

Tetapi bukan AirAsia yang buat (bina) lapangan terbang itu, itu dibuat oleh MAHB. Sepatutnya mereka bertanggungjawab, Kementerian Pengangkutan kena bertanggungjawab. Baiklah. Bila datang sini (PAC), mereka kata itu masalah yang boleh diselesaikan, kata boleh buat penambahbaikan. Sekarang kita tengoklah," katanya dalam sidang akhbar di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Beliau yang sebelum itu mempergerusikan mesyuarat PAC berhubung isu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) ditanya tentang laporan sebuah portal yang memetik aduan sumber industri penerbangan berkaitan mendapan di klia2.

Nur Jazlan berkata, kos penambahbaikan mendapan itu dijangka sekitar puluhan hingga ratusan juta ringgit.

Sudahlah kos pembinaan klia2 RM4 bilion, sekarang kos penambahbaikan berapa pula? Mungkin Rm10 juta atau mungkin RM100 juta, kerana kita membuat penambahbaikan (perkara) yang sudah rosak, yang tak dibina dengan baik," tambahnya.

Berhubung kegagalan urus tadbir Finas yang menerima Sijil Penafian Laporan Kewangan daripada Jabatan Audit Negara pada 2012, katanya, antara isu yang timbul daripada penemuan Jabatan Ketua Audit ialah tentang penyata penyesuaian bank, daftar aset dan susut nilai aset tetap, pendahuluan kewangan dan penyata aliran tunai yang perlu dimantapkan dalam penyediaan akaun.

Salah satu sebab berlakunya masalah pengurusan akaun oleh Finas ialah penggabungan antara Finas dan Filem Negara Malaysia (FNM) pada tahun lalu. Finas merupakan badan berkanun manakala FNM

ialah sebuah jabatan kerajaan. Penggabungan ini melibatkan dua entiti yang tidak sama kerana jabatan kerajaan menggunakan sistem akaun tunai manakala Finas menggunakan akaun akru," katanya.



Khamis, 22 Mei 2014

21. Risikan SPRM dapati penyelewengan diesel di tahap serius

KANGAR 21 Mei - Risikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati penyelewengan petrol dan diesel bersubsidi melibatkan sindiket di negara ini dengan negara jiran kini berada di tahap serius.

Pengarah Bahagian Risikan SPRM, Datuk Azam Baki yang tidak menyebut negara jiran itu berkata, operasi sindiket terbabit berjalan dengan terancang dan bukan dilakukan oleh individu.

``Penyelewangan ini sampai tahap serius kerana unsur-unsur rasuah membabitkan penjawat awam dari pelbagai agensi sangat jelas manakala syarikat pembekal tidak terbabit," katanya.

Beliau bercakap dalam sidang akhbar selepas menyaksikan majlis serah-terima tugas jawatan Pengarah SPRM Perlis oleh Alias Darus kepada Yaakop Angah di sini, hari ini.

Alias ditukarkan ke Kedah sebagai timbalan pengarah mulai 15 Februari lepas manakala Yaakop sebelum ini merupakan ketua cawangan SPRM Seberang Prai, Pulau Pinang.

Menurut Azam, ketirisan bermula di lapangan akibat sistem dan prosedur yang longgar selain harga bahan bakar itu antara yang termurah dalam kalangan negara Asean menyebabkan banyak pihak ingin mencari keuntungan mudah.

Katanya, pemantauan ketat di tempat-tempat yang dikenalpasti telah dilaksanakan sejak isu terbongkar malah SPRM bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk membanteras terus penyelewangan itu.

Pengarah-pengarah SPRM negeri akan turut dilibatkan jika timbul isu berkaitan di negeri terbabit, kata Azam.

Sebelum itu, Yaakop berkata, pihaknya menerima 29 maklumat dakwaan rasuah sehingga semalam dan telah membuka tujuh kertas siasatan membabitkan tuntutan palsu dan penyalahgunaan kuasa dan satu kes telahpun didakwa di mahkamah.

Katanya, 37 kertas siasatan dibuka hasil 184 maklumat diterima tahun lepas kebanyakannya membabitkan masalah disiplin penjawat awam.

SPRM Perlis mengesyorkan tindakan tatatertib dan teguran dibuat terhadap mereka. - BERNAMA



Khamis, 22 Mei 2014

22. Barang subsidi tak sampai

KAPIT 21 Mei - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) perlu mengutamakan kontraktor tempatan untuk menghantar barang bersubsidi ke luar bandar bagi membolehkan barang-barang keperluan itu sampai kepada rakyat.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, tindakan KPDNKK melantik kontraktor bukan penduduk tempatan menghantar barang bersubsidi ke luar bandar menimbulkan masalah kerana orang luar tidak mahir tentang selok-belok sistem pengangkutan di kawasan tersebut.

"Jika orang luar, mana mereka tahu pergi ke kawasan seperti Hulu Katibas, Song atau Hulu Baleh, Kapit untuk menghantar barang.

"Terdapat beberapa kes barang-barang tidak sampai ke lokasi yang sepatutnya dihantar," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Makan Malam Sempena Mesyuarat Agung Tahunan dan Pra-Gawai Koperasi Song Kapit Berhad (KSKB) di Dewan Masyarakat Song di sini semalam.

Yang turut hadir Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Jefferson Jamit Unyat; Pegawai Daerah Song, Jacqueline Ongos; Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Bahagian Sibu/Kapit, Beraim Hossen; Pengerusi KSKB, Baling Jengin dan Setiausaha KSKB, Catherine Nain Abit.

Menurut Alexander, kelemahan KPDNKK menguruskan penghantaran barang bersubsidi ke luar bandar harus diperbaiki dengan memberi semula keutamaan melantik kontraktor tempatan untuk melakukan tugas tersebut.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kapit memberitahu, terdapat alasan kukuh mengapa perkhidmatan koperasi tempatan perlu dikekalkan dalam urusan penghantaran barang bersubsidi ke luar bandar.

"Mengambil contoh KSKB yang beroperasi di zon Hulu Katibas, koperasi tempatan ini lebih mahir dalam semua aspek kebaikan dan keburukan pengangkutan di kawasan luar bandar.

"Kemahiran ini amat diperlukan untuk memenuhi keperluan dan kehendak orang tempatan. Sebagai orang tempatan, kami sangat memahami apa yang rakyat mahu dan perlukan," ujarnya.

Tambah Alexander, sebagai orang tempatan juga, perkhidmatan diberikan adalah lebih ke arah membantu masyarakat, bukannya mengaut keuntungan.

Justeru beliau amat berharap pihak KPDNKK mengambil serius perkara tersebut dan memberi keutamaan kepada orang tempatan menggalas tugas menghantar barang bersubsidi ke luar bandar.



Jumaat, 23 Mei 2014

23. Hadkan tempoh penempatan pegawai

KUALA LUMPUR 22 Mei - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sedang mengkaji untuk mengehadkan tempoh penempatan pegawai-pegawai penguat kuasa di sesuatu kawasan.

Menterinya, Datuk Seri Hasan Malek berkata, langkah itu dilaksanakan dalam usaha meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan yang dijalankan.

"Kita sedang memikirkan penempatan pegawai-pegawai di sesuatu kawasan itu hendaklah bagi sesuatu tempoh tertentu dan seelok-eloknya tidak melebihi tiga tahun.

"Setakat ini, belum ada keputusan dibuat tetapi kita sedang menuju ke arah itu. Kita akan mengambil kira semua aspek sebelum membuat keputusan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kementerian itu semalam mengisyiharkan perang melalui Ops Titik ke atas petualang yang menjual serta menyeludup diesel bersubsidi sehingga mengakibatkan negara mengalami kerugian puluhan juta ringgit.

Pengarah Penguat Kuasa kementerian itu, Mohd. Roslan Mahayudin semalam berikrar untuk mengambil tindakan paling tegas terhadap para anggota serta pegawainya yang tidak jujur kerana beliau tidak mahu adanya duri dalam daging' di dalam organisasinya.

Mengulas lanjut, Hasan berkata, langkah itu juga diharap dapat membendung apa juu bentuk penyelewengan yang sedang hangat diperkatakan sekarang.

Kementerian beliau, katanya, akan memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) jika terdapat pegawai-pegawai yang terlibat dalam kegiatan penyeludupan diesel bersubsidi.

"Kita tidak akan berkompromi dalam soal ini," tegasnya.

Dalam Ops Titik yang bermula 15 Mei lalu, beliau berkata, pihaknya telah mengenal pasti beberapa individu, syarikat dan kawasan panas dalam tindakan untuk menghapuskan penyelewengan diesel bersubsidi.

Menurutnya, pergerakan golongan itu sentiasa diawasi sebelum pihak kementerian membuat serbuan dan tangkapan.

Kata beliau, penyeludup atau mereka yang terbabit perlu ingat bahawa Ops Titik adalah operasi bersepadu antara agensi-agensi kerajaan.

Tambahnya, antara yang terlibat adalah Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, SPRM serta pihak berkuasa tempatan.

"Kita akan pastikan tiada yang akan terlepas," tegas Hasan.



Jumaat, 23 Mei 2014

24. PPAMPS siap Disember

BENTONG 22 Mei - Pembinaan Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor (PPAMPS) bernilai RM3.93 bilion di Sungai Semantan akan siap sepenuhnya Disember ini dan mampu memproses sehingga 1.8 bilion liter air mentah untuk kegunaan harian.

Kejayaan projek Kerajaan Persekutuan itu akan mengurangkan masalah bekalan yang dihadapi rakyat di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan keupayaan menampung 35 peratus keperluan harian sehingga tahun 2025.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili berkata, bagi peringkat awal, sebanyak 500 juta liter air akan mula disalur kepada ketiga-tiga negeri dan wilayah itu bermula Ogos depan untuk menghadapi fenomena El Nino dan akan ditambah secara berperingkat-peringkat.

"Memang ada berlaku sedikit kelewatan tetapi itu disebabkan kontraktor yang telah dipilih untuk menguruskan hasil hutan masih belum siap namun saya yakin ia akan diselesaikan sepenuhnya nanti.

"Saya akan bertemu dengan kerajaan negeri Pahang selepas ini untuk menguruskan beberapa perkara terutama yang membabitkan tanah," katanya dalam sidang akhbar di stesen pam PPAMPS, Karak di sini hari ini.

Terdahulu, Maximus yang melawat tapak projek itu meluangkan masa hampir dua jam meninjau, meneliti dan mendengar penerangan daripada kontraktor terlibat mengenai perkembangan projek berkenaan yang mula dibangunkan sejak 1 Jun 2009.

PPAMPS yang dibangunkan oleh kontraktor dari Jepun membabitkan empat pakej iaitu terowong penyaluran air mentah, Empangan Kelau, muka sauk dan Stesen Pam Semantan serta sistem perpaipan berkembar.

Menurut Maximus, perbelanjaan paling besar melibatkan RM1.32 bilion iaitu pembinaan terowong sepanjang 44.6 kilometer yang telah siap sepenuhnya merentasi Banjaran Titiwangsa bermula dari Karak ke Hulu Langat, Selangor.

"Empangan Kelau yang mempunyai ketinggian 30 meter memerlukan perbelanjaan RM183.8 juta manakala muka sauk dan stesen pam yang mampu mengepam 2.4 bilion liter sehari siap pada Mei tahun lalu dengan kos RM317.6 juta.

"Pembinaan paip berkembar bersaiz tiga meter dengan panjang 11.9 kilometer memerlukan perbelanjaan RM268.53 juta. Dari stesen pam, air akan dipam melalui sebelum disalur ke Hulu Langat," kata Maximus.

Beliau berkata, projek berimpak tinggi itu telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi menyelesaikan masalah air yang melanda beberapa kawasan di ketiga-tiga negeri terlibat.

Melalui perjanjian yang dimeterai, Malaysia menanggung sebanyak RM1.127 bilion kos melalui geran Kerajaan Persekutuan manakala baki perbelanjaan iaitu RM2.774 bilion ditanggung oleh Japan International Cooperation Agency (JICA).



Sabtu, 24 Mei 2014

25. Kos perubatan RM22 bilion

KUCHING 23 Mei - Kerajaan terpaksa menanggung kos perubatan yang tinggi iaitu RM22 bilion pada tahun ini berbanding RM20 bilion pada tahun lalu untuk menyediakan keperluan perubatan bagi pesakit yang dimasukkan ke hospital di seluruh negara.

Lebih membimbangkan, suku daripada rakyat negara ini mengalami masalah obesiti, sekali gus menjadi penyumbang kepada peningkatan jumlah kemasukan pesakit ke hospital.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, jumlah pesakit yang masuk ke hospital di seluruh negara semakin meningkat setiap tahun sehingga menyebabkan kerajaan terpaksa berbelanja besar untuk menyediakan keperluan perubatan bagi tujuan rawatan.

Katanya, setiap tahun kira-kira tiga juta pesakit di negara ini dimasukkan ke hospital iaitu dua juta di hospital kerajaan dan selebihnya hospital swasta.

"Jumlah pesakit semakin hari semakin meningkat sehingga menyebabkan kesesakan di hospital kerajaan dan swasta. Akibatnya, peruntukan kerajaan untuk menyediakan keperluan perubatan turut meningkat iaitu daripada RM20 bilion pada 2013 kepada RM22 bilion tahun ini," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Organisasi Doktor Keluarga Sedunia (WONCA) Wilayah Asia Pasifik Ke-20 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Muda Kesihatan Awam negeri, Datuk Dr. Jerip Susil; Pengurus Pengajur WONCA, Prof. Dr. Mohammad Husni Jamal; Presiden WONCA, Prof. Micheal Kidd Am; Presiden WONCA Wilayah Asia Pasifik, Dr. Jung Kwon Lee dan Presiden Akademi Doktor Keluarga Malaysia, Prof. Datuk Dr. D. M Thuraiappah.

Mengulas lanjut, Dr. Hilmi berkata, nisbah doktor bagi Semenanjung ialah seorang doktor bagi 760 pesakit manakala di Sarawak, seorang doktor untuk 1,500 pesakit.

Jumlah katil pula, katanya, masih kekurangan iaitu satu nisbah lapan katil untuk 100,000 pesakit.

"Sekiranya keadaan berterusan begini, kita pasti memerlukan lebih banyak doktor dan katil untuk menampung pertambahan jumlah pesakit yang pastinya menelan kos yang tinggi.

"Bagi mengatasi masalah ini, pihak kementerian kini memfokuskan program pencegahan di peringkat akar umbi supaya pesakit dapat menerima rawatan awal dan dapat mengelak dimasukkan ke hospital," katanya.

Antara usaha dijalankan, kata beliau, ialah memperkenalkan Program Komuniti Sihat Perkasa Negara (Kospen) bersama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di seluruh negara; mempertingkatkan rawatan di setiap klinik kesihatan termasuk ibu dan kanak-kanak, klinik 1Malaysia serta swasta untuk pencegahan peringkat awal.



Rabu, 27 Mei 2014

26. Negara Cuma miliki 28% tenaga mahir tempatan

KUALA LUMPUR 27 Mei - Kekurangan jumlah tenaga mahir di negara ini perlu diberi perhatian serius agar sektor industri tidak terjejas selain mencapai sasaran 33 peratus tenaga kerja mahir menjelang tahun depan serta 50 peratus pada 2020.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd. Muttalib berkata, ini kerana Malaysia hanya memiliki 28 peratus tenaga kerja tempatan dalam kumpulan pekerjaan berkemahiran tinggi tahun lalu dan ia amat rendah serta tidak mencukupi untuk negara berdaya saing dengan negara maju di dunia.

Katanya, angka tersebut masih jauh ketinggalan berbanding negara maju di seluruh dunia seperti Australia dan Korea yang melahirkan 40 peratus pelajarnya dalam bidang teknik dan vokasional.

"Dunia semakin berkembang maju dan teknologi semakin sofistikated. Kita tidak mahu Malaysia ketinggalan dari segi teknologi, kerana itu penekanan perlu diberikan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memperkembangkan bakat sedia ada sekali gus menyumbang kepada pendapatan negara dalam usaha untuk mencapai status negara maju menjelang 2020," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Konvokesyen Persekutuan Pusat-Pusat Bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Malaysia (FEMAC) di sini hari ini.

Tambah Ismail, usaha memartabatkan bidang kemahiran memerlukan komitmen dari semua pihak, terutama ibu bapa yang perlu berfikir jauh dan tidak lagi dibelenggu stigma mengenai bidang kemahiran tidak boleh menjamin masa depan.

"Pemikiran yang begitu sudah usang. Kita mesti bergerak ke hadapan dengan lebih laju bagi menyaingi negara maju lain yang telah lama berorientasikan pendidikan kemahiran dan dilatih dari awal persekolahan lagi. Tanamkan dalam pemikiran bahawa pendidikan kemahiran adalah pilihan dan bukan sebagai alternatif," ujarnya.

Jelasnya, ibu bapa perlu memainkan peranan dalam menggalakkan anak-anak untuk memilih bidang kemahiran bagi menyambung pelajaran sama ada di sekolah aliran vokasional mahupun di institut kemahiran kerana bidang tersebut menyediakan peluang besar setelah tamat latihan.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, kerajaan memperuntukkan RM320 juta di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) yang berupa kuota pendidikan kemahiran.

"Ini bermakna lebih ramai lagi belia yang berminat dalam bidang kemahiran dapat menyambung pelajaran dalam bidang-bidang kemahiran yang mereka minati," katanya.



Jumaat, 30 Mei 2014

27. SPRM cadang kuota pembelian diesel tahunan

KUALA LUMPUR 29 Mei - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan mekanisme kuota pembelian diesel yang hanya membenarkan setiap warganegara ini membeli bahan api itu dalam jumlah tertentu setiap tahun.

Selepas tamat kuota, warganegara boleh membeli diesel tetapi perlu membayar dalam harga tanpa subsidi.

Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Azam Baki berkata, langkah itu bagi mengelakkan pembelian diesel dalam jumlah yang tinggi dan mengelak ketirisan.

Katanya, bagi mengatasi penyelewengan ketika pembelian, setiap warganegara perlu mengemukakan dokumen pengenalan diri termasuk maklumat kenderaan.

"Sebagai contoh, setiap warganegara Malaysia yang layak, akan diberi sejumlah diesel tertentu setiap tahun dan apabila jumlah penggunaan melebihi kuota, mereka perlu membayar dengan harga tanpa subsidi.

"Setiap pembeli perlu mengemukakan Mykad bagi tujuan merekod maklumat peribadi dan kenderaan serta jumlah diesel yang telah dibeli di stesen minyak," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia, di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, Azam turut mencadangkan agar kerajaan menyemak semula pemberian diesel subsidi kepada nelayan di seluruh negara yang mengakibatkan kerugian kira-kira RM240 juta setiap tahun ekoran penyelewengan.

"Kami juga menggesa agar kerajaan menyemak semula status nelayan berkenaan. Keluarkan nama nelayan yang telah meninggal dunia, tidak layak ke laut atas faktor usia atau kesihatan dan sama ada memiliki bot atau sebaliknya," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Azam mengesahkan laporan Utusan Malaysia baru-baru ini berhubung tiga daripada lapan bilion liter diesel diseleweng oleh pelbagai individu tidak bertanggungjawab.

Katanya, selain penyelewangan diesel di stesen minyak, pembekalan bahan api di kawasan pedalaman melalui Projek Penyeragaman Harga Petrol dan Diesel (Community Drumming), dikesan antara penyumbang kepada kegiatan penyelewangan diesel di negara ini.

Difahamkan, program yang ditubuhkan kerajaan untuk membekalkan bahan api bersubsidi ke kawasan-kawasan pedalaman itu menjadi sasaran pihak tidak bertanggungjawab untuk mengaut keuntungan mencecah jutaan ringgit.

Jumaat, 30 Mei 2014

28. Mekanisme diesel subsidi dikaji semula

PUTRAJAYA 29 Mei - Kerajaan sedang mengkaji mekanisme pemberian diesel bersubsidi untuk memerangi penyeludupan bahan api tersebut yang merugikan negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek berkata, kerajaan sedia maklum mengenai saranan untuk mengkaji mekanisme pemberian diesel bersubsidi dan Kementerian Kewangan sedang meneliti perkara itu.

Beliau berkata, kementeriannya pada masa yang sama turut melakukan rombakan pada pasukan penguat kuasa untuk memastikan anggota atau pegawai berkenaan tidak bertugas untuk tempoh terlalu panjang di satu-satu tempat.

"Saya telah ketengahkan soal rombakan dalam pasukan penguat kuasa sejak hari pertama memasuki kementeriannya ini, sebaik-baiknya anggota penguat kuasa tidak bertugas di satu tempat lebih daripada tiga tahun," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan hari penguat kuasa kementeriannya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas gesaan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Abu Kassim Mohamed supaya kerajaan mengkaji semula pemberian diesel bersubsidi berikut berlaku banyak ketirisan sehingga merugikan negara.

Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Nur Jazlan Mohamed turut menggesa agensi penguat kuasa yang bertanggungjawab menguruskan diesel bersubsidi termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM); Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan; Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) melakukan rombakan bagi membendung penyelewengan diesel bersubsidi.

Mengulas isu yang sama, Hasan berkata, kementeriannya melalui Operasi Titik telah mematahkan 82 percubaan penyeludupan bahan api bersubsidi melibatkan nilai rampasan RM2.75 juta dalam tempoh 15 Mei hingga 27 Mei ini di seluruh negara.

Beliau berkata, fokus utama di bawah operasi tersebut adalah terhadap penyeludupan petrol RON 95, diesel dan juga gas memasak di mana sasarannya merangkumi stesen minyak, stesen pengedaran, Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) dan syarikat-syarikat persendirian.

"Operasi Titik turut disertai SPM, UPP, JKDM, polis, Jabatan Laut, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Imigresen dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Satu perjumpaan khas bersama semua agensi penguatkuasaan akan diadakan pada 10 Jun ini untuk memperkemas strategi tindakan serta membincangkan isu-isu berkaitan," katanya.